

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS Q DAN MAJLIS PELANCARAN PERATURAN BARU MENGENAI TATATERTIB DAN BUKU "UPHOLDING THE INTEGRITY OF THE MALYSIAN CIVIL SERVICE"  
Lokasi : CROWN PRINCESS HOTEL, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 06-12-1993

Buku upholding the integrity of Malaysian Civil Service mengandungi peraturan-peraturan dan larangan-larangan yang perlu dipatuhi dan dijauhi oleh penjawat awam. Kerajaan juga telah mengeluarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menggantikan Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib (Bah 'D')) 1980 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 bagi menggantikan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972. Buku dan Peraturan-peraturan di atas diterbitkan bertujuan meningkatkan tahap disiplin di kalangan penjawat awam seterusnya meningkatkan prestasi perkhidmatan awam Malaysia.

Pada majlis petang ini, saya sukacita memperkenalkan Peraturan- Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan "Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993" yang masing-masing menggantikan Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 dan Peraturan- Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972 dan juga sebuah buku yang bertajuk Upholding The Integrity of the Malaysian Civil Service.

Penulisan buku Upholding The Integrity of the Malaysian Civil Service ini adalah dalam bentuk yang sesuai dibaca oleh semua golongan masyarakat dalam dan luar negeri.

Buku ini adalah merupakan punca maklumat yang wajib kepada para usahawan. Ianya juga akan menjadi satu bahan bacaan yang penting dimana pegawai-pegawai yang akan menduduki peperiksaan Kerajaan dan yang akan menghadiri pelbagai temuduga, akan ditanya mengenai perkara-perkara yang terkandung dalam buku ini.

Buku ini amat penting sebagai satu bahan rujukan dalam konteks perhubungan diantara pegawai-pegawai awam dengan anggota-anggota sektor swasta. Buku ini bukan sahaja akan meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara pegawai-pegawai awam dengan pihak-pihak lain, tetapi pada masa yang sama akan menjadi satu peringatan kepada pegawai-pegawai awam dengan cara menyedari bahawa peraturan-peraturan dan larangan- larangan yang dikenakan keatas mereka kini diketahui juga oleh orang lain. Hakikat ini akan mendorong mereka meningkatkan lagi tahap disiplin di kalangan mereka sendiri.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melancarkan dua peraturan mengenai tatatertib yang telah diluluskan oleh Kerajaan, iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi menggantikan Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 bagi menggantikan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972. Kedua-dua Peraturan ini telah diwartakan pada 25 November 1993 dan berkuatkuasa pada 15 Disember 1993. Satu peraturan baru bagi menggantikan Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 adalah diperlukan bagi mengambil kira perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam Perkhidmatan Awam khususnya dengan terlaksananya Sistem Saraan Baru (SSB) dan juga untuk memasukkan perkara-perkara yang baru bagi meningkatkan lagi tahap tatatertib didalam perkhidmatan awam.

Diantara peraturan-peraturan baru dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 adalah seperti berikut:

(i) di bawah peraturan 6, dinyatakan pegawai awam semasa bekerja hendaklah memakai pakaian seperti yang ditetapkan dalam arahan-arahan Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Mana-mana pegawai yang tidak mematuhi boleh dikenakan tindakan tatatertib;

(ii) di bawah peraturan 7, sekiranya diakui oleh pegawai perubatan Kerajaan seseorang pegawai awam

mengguna, mengambil, menyalahguna atau menagih dadah maka perkhidmatan pegawai itu boleh ditamatkan demi kepentingan awam di bawah Peraturan 49;

(iii) di bawah Perintah Am Bab `D' yang lama, tahanan kerja hanya boleh dilakukan oleh Pihakberkuasa Tatatertib apabila percabaran jenayah dibawa terhadap seseorang pegawai atau langkah tatatertib dengan tujuan buang kerja sedang atau akan diambil terhadap seseorang pegawai. Peraturan 45 memberi kuasa kepada Lembaga Tatatertib untuk menahan pegawai dengan serta-merta daripada menjalankan tugasnya, sekiranya disyaki dengan munasabah dia telah melakukan kesalahan jenayah atau melakukan pelanggaran tatatertib yang serius; dan

(iv) jumlah tatakelakuan pegawai-pegawai awam adalah diperluaskan dengan menambah dua yang baru seperti berikut:-

(a) tidak jujur dan tidak amanah; dan

(b) cuai dalam menjalankan tugas;

(v) di bawah Perintah Am Bab `D' yang lama seseorang pegawai disifatkan berada dalam kesusahan berat kerana hutang sekiranya agregat hutangnya melebihi tiga kali emolumen bulanannya. Mengikut peraturan 13, agregat hutang ini dinaikkan kepada 6 kali emolumen bulanannya.

(vi) mengikut Perintah Am 23, Perintah Am Bab `D' yang lama, tiada seseorang pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa peluang membela diri diberikan terlebih dahulu kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. Di dalam peraturan 25 dimasukkan 2 keadaan lagi pengecualian hak untuk didengar iaitu:

(a) di mana seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat oleh sebab kelakuan yang mengenainya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya; atau

(b) di mana apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi telah dibuat terhadap seseorang pegawai;

(vii) di dalam Perintah Am Bab `D' yang lama, tidak hadir bertugas yang tidak dapat dikesan tidak dinyatakan tempoh masa yang tertentu. Di bawah peraturan 29(1) yang baru, tempoh tersebut diperjelaskan, iaitu 7 hari; (viii) di bawah Perintah-Perintah Am yang lama, adalah tanggungjawab pihak mahkamah untuk memaklumkan kepada jabatan jika seseorang pegawai awam dikenakan prosiding jenayah; atau jika Ketua Jabatan mengetahui bahawa pegawainya dituduh di mahkamah jenayah, maka Ketua Jabatan tersebut diminta mendapatkan maklumat- maklumat mengenai kes tersebut daripada mahkamah. Di bawah peraturan 32, pegawai yang berkenaan adalah juga bertanggungjawab memberitahu Ketua Jabatannya sekiranya prosiding jenayah dibawa terhadapnya;

(ix) mengikut Perintah Am yang lama, terdapat 9 jenis hukuman yang boleh dikenakan ke atas pegawai yang didapati bersalah. Di bawah peraturan 38, hukuman tatatertib dikurangkan kepada 7, iaitu amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan dan buang kerja;

(x) di bawah Perintah Am yang lama, hukuman `denda' dan `lucuthak gaji' dikira berdasarkan gaji pokok; di bawah peraturan 39, ianya dikira berdasarkan `emolumen', iaitu termasuk elaun- elaun lain. Di bawah Perintah Am lama `denda' yang boleh dikenakan ke atas seseorang pegawai dalam sesuatu masa ialah tidak lebih daripada 3 hari gaji. Dalam peraturan 39, denda adalah dinaikkan kepada 7 hari emolumen;

(xi) Di dalam Perintah Am yang lama, hukuman "turun pangkat" tidak dihuraikan dengan jelas.

Di dalam peraturan 42, hukuman "turun pangkat" adalah diperjelaskan, iaitu menurunkan gred seseorang pegawai kepada gred yang lebih rendah dalam skim perkhidmatan yang sama;

(xii) Peraturan baru ini juga memberi kuasa kepada Pihakberkuasa Tatatertib untuk memberhentikan

pembayaran emolumen pegawai yang sedang ditahan kerja sekiranya meninggalkan Malaysia tanpa kebenaran Lembaga Tatatertib.

Sekarang, saya menyentuh pula Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993, iaitu yang menggantikan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1972. Peraturan-Peraturan baru ini mengandungi beberapa perubahan, antara yang penting adalah seperti berikut:

(i) keahlian Lembaga Tatatertib termasuk pengerusi ditambah dari 2 orang kepada 3 orang dan korum bagi setiap mesyuarat Lembaga Tatatertib adalah 2 orang;

(ii) di bawah Peraturan Lembaga Tatatertib 1972, pegawai PTD di semua peringkat diletakkan di bawah Lembaga Tatatertib yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan ahlinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Untuk pegawai-pegawai Tingkatan Biasa dan Tingkatan Kanan dalam skim-skim lain, Lembaga Tatatertibnya adalah di peringkat Kementerian / Jabatan. Dibawah peraturan 2, Lembaga Tatatertib bagi pegawai-pegawai PTD, Gred 3 diletakkan di peringkat kementerian dan jabatan di mana mereka ditempatkan. Lembaga Tatatertib yang dipengerusikan oleh saya sendiri akan terus mempunyai kuasa mengambil tindakan tatatertib, kecuali kuasa mengenakan hukuman turun pangkat dan buang kerja, terhadap semua pegawai, Gred 2 dan ke atas di dalam perkhidmatan awam;

(iii) di bawah peraturan 2, perubahan-perubahan dibuat kepada bidangkuasa Pihak Berkuasa Tatatertib. Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian / jabatan bagi Kumpulan Sokongan boleh mengambil tindakan tatatertib sehingga buang kerja. Seorang daripada ahlinya adalah terdiri daripada Penasihat Undang-Undang Kementerian atau wakil Peguam Negara.

(iv) di bawah peraturan 12, hanya wujud satu sahaja Lembaga Rayuan Tatatertib dalam perkhidmatan awam iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Lembaga-Lembaga Rayuan Tatatertib yang terletak di Jabatan Perkhidmatan Awam adalah dimansuhkan.

Saya suka mengingatkan Ketua-ketua Jabatan dan semua pihak yang terlibat dalam pengurusan tatatertib supaya mengambil tindakan serta merta selaras dengan Peraturan-Peraturan baru ini. Badan-Badan Berkanun Persekutuan, Kuasa-Kuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri termasuk Badan-Badan Berkanun Negeri adalah diminta mengambil tindakan untuk menerima pakai Peraturan-Peraturan baru itu untuk agensi masing-masing dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang tertentu. Untuk mengelakkan sebarang masalah yang berbangkit, peraturan-peraturan tersebut hendaklah diwartakan setelah dirujuk dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara ataupun pihak-pihak yang berkuasa mengenai undang-undang.

Peraturan-peraturan baru itu diharap akan mewujudkan satu sistem disiplin yang lebih kemas dan mantap dalam Perkhidmatan Awam. Kursus-kursus latihan mengenai pelaksanaan peraturan-peraturan baru ini akan diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan - Awam menerusi INTAN dengan secepat mungkin.

Dengan ini saya dengan sukacitanya mengumumkan dengan rasminya penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 mulai daripada 15 Disember 1993 dan melancarkan buku Upholding The Integrity of the Malaysian Civil Service.